

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YANG BERHORMAT TUAN JONATHAN YASIN
PENGERUSI LEMBAGA PENGELOLA LEMBAGA KOKO MALAYSIA**

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM IDEASI PENUBUHAN KOPERASI LKM
11 FEBRUARI 2019
HOTEL PERKASA, KUNDASANG, RANAU, SABAH**

Terima Kasih Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Datin Norhaini Udin
Ketua Pengarah Lembaga Koko Malaysia

Ahli-ahli Pengurusan Kanan
Lembaga Koko Malaysia

Wakil-wakil agensi:

Tuan Haji Umar Sarim bin Saidin
Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Negeri Sabah

Tuan Zulkiflee Bin Aspon
Pengarah Sektor Perladangan dan Asas Tani
Maktab Koperasi Malaysia (MKM)

Pn Rosmawati Binti Zul
Wakil ANGKASA (Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad)

Pn Firma Azura Ekaputri Binti Marzuki
Wakil Bahagian Pembangunan Industri Koko dan Lada
Kementerian Industri Utama

Dr. Zaki Bin Aman
Wakil Koperasi Penanam Sawit Mampan, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

Para peserta bengkel

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

1. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada jawatankuasa penganjur kerana sudi menjemput saya untuk menghadiri dan seterusnya merasmikan majlis perasmian bengkel pada pagi ini iaitu **PROGRAM IDEASI PENUBUHAN KOPERASI LKM**.

2. Saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran wakil-wakil daripada agensi-agensi berkaitan yang sudi hadir ke bengkel ini. Sokongan dan sumbangan idea tuan-tuan dan puan-puan semasa bengkel ini nanti adalah amat dihargai.

3. Saya difahamkan bengkel Program Ideasi Penubuhan Koperasi LKM pada kali ini adalah bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan panduan untuk LKM mewujudkan koperasi bagi Program Pembangunan Rantaian Kluster Koko (PPRKK).

Tuan-tuan dan Puan-puan,

4. Program Pembangunan Rantaian Kluster Koko (PPRKK) merupakan satu program berimpak tinggi dalam Rancangan Malaysia kesebelas (RMK-11). Ianya adalah di bawah Dasar Industri Komoditi Negara (DIKN), melalui strategik ke-12 iaitu membangunkan kelestarian Kelompok koko.

Program Pembangunan Rantaian Kluster Koko (PPRKK) adalah untuk tujuan berikut:

- i) untuk meningkatkan pengeluaran biji koko melalui peningkatan produktiviti dan pemaksimuman kegunaan tanah yang melibatkan pembangunan bersama komuniti;
- ii) untuk meningkatkan pendapatan masyarakat dengan menggunakan komuniti sebagai wadah dalam pembangunan kelompok, dan koperasi;
- iii) untuk meningkatkan pembangunan kegiatan-kegiatan hiliran seiring dengan pembangunan koko yang berharmoni dengan alam sekitar - 'Good Agriculture Practice (GAP)'.

5. Ianya merupakan program 'game-changer' yang melibatkan aktiviti penanaman koko sehingga ke pemerosesan produk koko iaitu konsep 'farm to table'. Program Pembangunan Rantaian Kluster Koko (PPRKK) ini akan dilaksanakan di Kota Samarahan, Sarawak; di Ranau, Sabah dan di Pahang. Program ini diharapkan dapat meningkatkan pendapatan petani dan pengusaha coklat dengan pembangunan secara mampan dan 'sustainable', serta peningkatan pendapatan kerana penjualan produk coklat akan memberi lebih nilai ringgit berbanding dengan penjualan biji koko kering.

6. Aktiviti dalam rantaian kluster koko akan melibatkan penanaman koko, pemprosesan biji koko basah, pembelian dan penjualan biji koko kering, pemprosesan biji koko kering kepada blok coklat dan pembuatan coklat siap. Oleh itu, rantaian aktiviti ini memberi peluang perniagaan dalam bentuk penjualan biji koko kering, penjualan produk siap coklat dan sebagai produk pelancongan seperti lawatan pengenalan tanaman koko dan pembuatan coklat buatan tangan.

7. Program Rantaian Kluster Koko akan melibatkan ramai petani dan pengusaha koko. Setakat ini, anggaran keluasan tanaman koko dibawah program ini adalah seluas 1,500 hektar dengan penglibatan kira-kira 1,550 orang petani.

8. Aktiviti penanaman dan pengeluaran koko di bawah program kluster koko ini telah dimulakan di kawasan sekitar lokasi ketiga-tiga kluster koko. Pembinaan kompleks kluster koko di Sarawak dijangka akan siap pada tahun ini, manakala pembinaan kompleks kluster koko Kg Napong, Ranau dijangka akan siap pada tahun

hadapan. Bangunan kompleks ini akan menempatkan aktiviti pemasaran biji koko, premis pemrosesan koko kepada produk siap serta galeri jualan produk coklat.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

9. AKTA 343, Pemerbadanan LKM, tidak membenarkan LKM untuk menjalankan perniagaan. Oleh itu, entiti koperasi dicadangkan untuk diwujudkan bagi melaksanakan pengurusan pemantauan dan pengoperasian Rantai Kluster Koko. Disamping itu, petani dan pengusaha yang menjadi ahli koperasi juga akan mendapat pulangan/keuntungan secara langsung.

10. Saya yakin dan percaya, bengkel **PROGRAM IDEASI PENUBUHAN KOPERASI LKM** ini, yang akan diadakan selama 3 hari ini, akan dapat membuahkan idea dan modus operandi pembentukan koperasi LKM. Saya berharap pihak SKM (Suruhanjaya Koperasi Malaysia), MKM (Maktab Koperasi Malaysia), ANGKASA (Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad) dan KPSM (Koperasi Penanam Sawit Mampan) akan memberi panduan, bimbingan dan perkongsian pengalaman agar objektif bengkel ini akan tercapai dan pelaksanaan penubuhan koperasi LKM dapat disegerakan. Terima kasih sekali lagi atas sumbangan tuan-tuan dan puan-puan.

11. Akhir sekali, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada jawatankuasa penganjur yang telah berusaha menjayakan bengkel ini, terimakasih juga atas kehadiran semua peserta bengkel. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Bengkel **PROGRAM IDEASI PENUBUHAN KOPERASI LKM** pada hari ini, 11 Februari 2019.

Sekian, terima kasih.

**Pengerusi Lembaga Pengelola
Lembaga Koko Malaysia
11 Februari 2018**